

24 APR 2000

PAKAR-HERBA/I

KEPELBAGAIAN BIO M'SIA BOLEH KENAL PASTI KOMPOUN BIO-AKTIF DALAM TANAMAN

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Kepelbagaian bio Malaysia yang kaya dan kegunaan tradisional tanam-tanaman dan herba sebagai ubat oleh budaya-budaya yang berbeza memberikan peluang bagi mengenal pasti kompoun bio-aktif yang berguna dalam spesi-spesi tanaman dan haiwan, kata seorang pakar bio-teknologi hari ini.

Dr Robert K. Lee, seorang rakyat Malaysia yang kini seorang pengarah di Bahagian Sains Kesihatan dan Teknologi di Harvard University-Massachusetts Institute Technology, berkata peluang-peluang itu mungkin dijadikan kenyataan dengan menubuhkan perpustakaan dan pangkalan data kimia untuk mendokumentasi dan menempatkan spesi-spesi asli yang berguna atau hasil-hasil keluarannya.

"Pembangunan perpustakaan dan pangkalan data kimia mungkin dipermudahkan oleh sumbangan ahli-ahli sains Malaysia, dengan kerjasama antara universiti-universiti Malaysia, universiti-universiti antarabangsa, pusat-pusat penyelidikan dan industri bio-farmaseutikal," katanya.

Bercakap mengenai tajuk "Peluang-peluang Pelaburan di dalam Bioteknologi Pertanian" pada satu seminar di Seri Kembangan dekat sini, Dr Lee berkata bahawa Malaysia adalah salah satu daripada tumpuan kepelbagaian bio dunia dengan 12,000 spesi tanaman berbunga yang dianggap mempunyai kegunaan-kegunaan perubatan.

Bagaimanapun, hanya 100 spesi telah dinilai secara sistematik bagi unsur-unsur perubatan, tambahnya.

"Nilai ekonomi berpotensi sumber-sumber asli mungkin dijadikan kenyataan dengan penemuan yang baru dan tidak ketara kegunaan-kegunaan tanam-tanaman perubatan, atau dengan menemui cara-cara baru bagi mengasingkan kimia-kimia bio-aktif.

"Harta intelektual yang dijana oleh penemuan-penemuan seumpamanya boleh menjadi asas bagi pembangunan selanjutnya industri-industri farmaseutikal dan bioteknologi di Malaysia," kata Dr Lee.

Beliau berkata bahawa bioteknologi semakin menjadi faktor penjagaan kesihatan yang dinamik dalam masa dua atau tiga tahun lalu.

Beliau menekankan bahawa indeks genomik Morgan Stanley Dean Witter meningkat 345 peratus dan 362 peratus dalam enam bulan dan dua bulan lalu, masing-masing berbanding dengan indeks ubat-ubatan Bursa Saham Amerika yang meningkat tiga peratus dan lima peratus dalam tempoh-tempoh berkenaan.

"Sebab utama bagi pertumbuhan sektor genomik-bioteknologi adalah kerelevanannya yang kian meningkat bagi penemuan farmaseutikal," tambahnya.

Seminar sehari bertema "Peluang-peluang Pelaburan di dalam Sektor Pertanian" yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini. -- BERNAMA

AD FR OS